

**PINJAMAN PERIBADI: KEMPEN KHAS GRAB IT NOW AKHIR TAHUN**

Kemaskini terakhir pada 1 November 2021

**Tempoh Kempen**

"Pinjaman Peribadi: Kempen Khas *GRAB It Now Akhir Tahun*" ("**Kempen**") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") bermula pada 1 November 2021 dan tamat pada 31 Disember 2021, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**") kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Kempen ini ditawarkan kepada Pelanggan yang Layak (definisi di bawah) sejurus dengan permuafakatan antara HLB dan GFin Services (M) Sdn Bhd ("**GFin**"), iaitu anggota Grab Holdings Inc., sebuah kumpulan syarikat teknologi yang mengendalikan aplikasi mudah alih Grab. GFin, Grab Holdings Inc. dan anggota syarikat masing-masing secara kolektif akan dikenali sebagai "**Grab**".

**Terma & Syarat**

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen ("**T&S**"):-

**Kelayakan**

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun HLB sedia ada dan baharu ("**Pelanggan**") yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia berumur antara 21 – 65 tahun;
  - (b) Berdaftar sebagai rakan pemandu dan/atau rakan penghantaran dengan Grab melalui MyTeksi Sdn Bhd (No. Pendaftaran Syarikat 201101025619 (953755-D) dan/atau GrabCar Sdn Bhd (No. Pendaftaran Syarikat 201401013360 (1089444-V)) ("**Rakan Grab**") dengan pendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Belas Ribu (RM12,000) setahun sebagai Rakan Grab;
  - (c) Tidak mempunyai sebarang baki tunggakan atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong Islamic Bank dengan HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") sedia ada sebelum Tempoh Kempen (terpakai kepada Pelanggan sedia ada sahaja); dan
  - (d) Menerima jemputan daripada Grab untuk menyertai Kempen ini.
2. Berikut adalah yang **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
  - (a) Pelanggan tanpa Lesen Memandu Kenderaan Awam (yang mempunyai makna sama dengan Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987) ;
  - (b) Pelanggan yang telah digantung kelayakan sebagai Rakan Grab;
  - (c) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/HLISB atau Pelanggan yang telah diisytiharkan mufliis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
  - (d) Pelanggan yang telah dikenalpasti oleh HLB yang mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat diatas;
  - (e) Kakitangan tetap dan kakitangan kontrak dengan HLB; dan
  - (f) Pelanggan sedia ada yang memegang Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pinjaman Peribadi GRAB It Now yang ditawarkan oleh HLB and GFin yang mempunyai keseluruhan jumlah tertunggak berjumlah Ringgit Malaysia Enam Ribu (RM6,000) dan ke atas.
3. Tujuan Kempen ini adalah untuk membantu Pelanggan dalam operasi perniagaan mereka dalam kapasiti sebagai Rakan Grab. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen, Pelanggan memahami, bersetuju dan mengaku janji bahawa hasil Kemudahan (diterangkan dalam Klausa 4 di bawah) akan digunakan semata-mata untuk operasi perniagaan dalam kapasiti sebagai Rakan Grab (seperti penyelenggaraan kenderaan, langganan pelan mudah alih/rancangan data mudah alih, pembelian telefon bimbit, dan lain lain).

### Mekanik Kempen

4. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut sepanjang Tempoh Kempen:

- (a) Memohon untuk Pinjaman Peribadi HLB (“**Kemudahan**”) berikut untuk tempoh pembiayaan sama ada enam (6) bulan atau dua belas (12) bulan (“**Tempoh Kemudahan**”) dan amaun kemudahan adalah seperti yang tertakluk di Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1**

Kemudahan	Amaun Kemudahan yang Dipohon <sup>1</sup>	
	Amaun Minima	Amaun Maksima
Pinjaman Peribadi HLB <sup>2</sup>	RM500	RM3,000

<sup>1</sup>Amaun Kemudahan yang dipohon harus dalam gandaan Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) tertakluk kepada julat di atas.

<sup>1</sup>Untuk mengelakkan dari sebarang keraguan, amaun Kemudahan dipohon tidak semestinya bersamaan dengan amaun Kemudahan diluluskan yang dinyatakan dalam permohonan Kemudahan Pelanggan.

<sup>2</sup>Pinjaman Peribadi HLB ialah tertakluk pada terma dan syarat Pinjaman Peribadi HLB.

- (b) Permohonon untuk Kemudahan dihantar melalui mana-mana satu saluran permohonan berikut seperti yang tertera di Jadual 2 di bawah:

**Jadual 2**

Saluran	Platform
Laman Sesawang	Laman Sesawang HLB di <a href="http://www.hlb.com.my/grabpl">www.hlb.com.my/grabpl</a> atau <a href="http://www.hlb.com.my/grabpl2">www.hlb.com.my/grabpl2</a>
Luar Talian	Cawangan Bank Terpilih <sup>3</sup>

<sup>3</sup>Cawangan Bank Terpilih adalah tertakluk di Lampiran 1 di bawah.

5. Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausa 4 di atas akan dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”.

### A. Pulangan Tunai Bayar Tepat-Pada-Masa

6. Satu ribu (1000) Pelanggan yang Layak pertama yang memenuhi semua kriteria di bawah berhak menikmati Pulangan Tunai Bayar Tepat-Pada Masa sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Puluh (RM70) (“**Pulangan Tunai Bayar Tepat-Pada-Masa**”):

- (i) Memohon untuk Kemudahan semasa Tempoh Permohonan masing-masing yang ditetapkan di Jadual 3 di bawah, iaitu 1 November 2021 hingga 30 November 2021 atau 1 Disember 2021 hingga 31 Disember 2021, sebagaimana yang berlaku;
- (ii) Kemudahan diluluskan dan disalurkan ke akaun bank Pelanggan yang Layak dalam Tempoh Penyaluran masing-masing yang ditetapkan di Jadual 3 di bawah, iaitu 1 November 2021 hingga 31 Disember 2021 atau 1 Disember hingga 31 Januari 2022, sebagaimana yang berlaku; dan
- (iii) Membuat pembayaran semula melalui Potongan Harian kepada GFin mengikut klausa 14 dibawah tepat pada masa dan dengan penuh dari permulaan Potongan Harian sehingga Tarikh Akhir Pembayaran Semula untuk Kelayakan Pulangan Tunai Bayar-Tepat-Pada-Masa seperti yang ditetapkan di Jadual 3 di bawah, ialah 28 Februari 2022 atau 31 Mac 2022, sebagaimana yang berlaku.

7. Sebarang bayaran lewat atau ketiadaan pembayaran semula sebelum atau pada Tarikh Akhir Pembayaran Semula akan membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak untuk menerima Pulangan Tunai Bayar Tepat-Pada-Masa .
8. Untuk Pelanggan yang Layak menerima Pulangan Tunai Bayar Tepat-Pada-Masa, Pulangan Tunai Bayar Tepat-Pada-Masa akan dikreditkan ke dompet tunai dan/atau dompet kredit Pelanggan yang Layak yang dikekalkan oleh Grab ("**Dompet Pemandu Grab**") oleh masing-masing Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai Bayar Tepat-Pada-Masa yang ditetapkan di Jadual 3 di bawah, ialah 31 Mac 2022 atau 30 April 2022, sebagaimana yang berlaku.

**Jadual 3**

<b>Tempoh Permohonan</b>	<b>Tempoh Penyaluran</b>	<b>Tarikh Akhir Pembayaran Semula untuk Kelayakan Pulangan Tunai Bayar-Tepat-Pada-Masa</b>	<b>Tarikh Pemenuhan Pulangan Tunai BayarTepat-Pada-Masa</b>
1 November 2021 – 30 November 2021	1 November 2021- 31 Disember 2021	28 Februari 2022	Sebelum/pada 31 Mac 2022
1 Disember 2021 – 31 Disember 2021	1 Disember 2021 – 31 Januari 2022	31 Mac 2022	Sebelum/pada 30 April 2022

#### **B. Tawaran Tanpa Faedah 20 Hari**

9. Pelanggan yang Layak adalah layak untuk tawaran tanpa faedah dua puluh (20) hari ("**Tawaran**") sekiranya Pelanggan yang Layak melunaskan sepenuhnya amaun Kemudahan dan membayar Fi Kemudahan (diterangkan dalam Klausa 13 di bawah) tersebut secara terus dengan HLB dalam tempoh masa dua puluh (20) hari selepas tarikh penyaluran dana Kemudahan tersebut ("**Tempoh Tanpa Faedah**"). Bagi mengelakkan dari keraguan, Pelanggan yang Layak hanya boleh memohon untuk satu (1) Kemudahan pada mana-mana masa semasa Tempoh Kempen dan sekiranya Pelanggan yang Layak ingin memohon Kemudahan tambahan, Pelanggan yang Layak perlu melunaskan sepenuhnya Kemudahan yang terdahulu sebelum menerima Kemudahan yang seterusnya.

Contoh ilustrasi Tempoh Tanpa Faedah adalah seperti berikut:

Tarikh penyaluran dana Kemudahan: 5 November 2021

Tarikh terakhir Tempoh Tanpa Faedah: 25 November 2021 (20 hari SELEPAS tarikh penyaluran dana Kemudahan)

10. Sekiranya Pelanggan yang Layak melunaskan sepenuhnya amaun Kemudahan dan membayar Fi Kemudahan dalam masa Tempoh Tanpa Faedah (termasuk tarikh akhir dalam Tempoh Tanpa Faedah), tiada caj faedah yang akan dikenakan ke atas amaun Kemudahan dan GFin akan mengembalikan jumlah Potongan Harian (diterangkan dalam Klausa 14(i) di bawah) yang dikumpulkan kepada Pelanggan yang Layak.
11. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak dapat melunaskan sepenuhnya amaun Kemudahan dan membayar Fi Kemudahan dalam tempoh masa Tempoh Tanpa Faedah, Pelanggan yang Layak harus membayar semula Kemudahan dalam cara yang tertakluk dalam T&S ini dan Terma dan

Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Kadar Faedah Rata (diterangkan dalam Klausa 12 dibawah) dan Tempoh Kemudahan berikut akan terpakai.

### **C. Kadar Faedah Rata untuk Kemudahan**

12. Pelanggan yang Layak memohon dimana Kemudahan telah diluluskan dan disalurkan dalam Tempoh Penyaluran yang ditetapkan dalam Klausa 6(ii) di atas layak untuk menikmati Kadar Faedah Rata mengikut cara yang tertera di Jadual 4 dibawah:

**Jadual 4**

<b>Amaun Kemudahan yang Diluluskan<sup>4</sup></b>	<b>Kadar Faedah Rata (setahun)<sup>5</sup></b>	<b>Tempoh Kemudahan</b>
RM500 – RM3,000	18.00% setahun	6 bulan atau 12 bulan

Nota: <sup>4</sup>Amaun Kemudahan diluluskan adalah dalam gandaan Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) tertakluk kepada julat di atas.

<sup>5</sup>Kadar faedah efektif adalah 30.23% setahun dan 31.72% setahun bergantung kepada tempoh pinjaman 6 bulan dan 12 bulan masing-masing.

13. Fi kemudahan sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Puluh (RM70) ("**Fi Kemudahan**") dikenakan keatas keseluruhan amaun Kemudahan, yang akan dibayar dengan cara yang dinyatakan di Klausa 14 di bawah.

### **Bayaran Balik melalui Potongan Harian**

14. Berdasarkan kerjasama antara HLB dengan pihak GFin, HLB telah bersetuju bahawa GFin akan membantu untuk mengendalikan bayaran balik Kemudahan. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju, membenarkan dan memberi kuasa kepada Grab untuk:
- mendaftarkan Pelanggan yang Layak secara automatik untuk pembayaran melalui pemotongan dari Dompot Pemandu Grab Pelanggan yang Layak setiap hari ("**Potongan Harian**"). Jumlah Potongan Harian terdiri daripada bahagian ansuran Bulanan (seperti yang ditentukan dalam Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB) dan Fi Kemudahan dibahagi sepanjang Tempoh Potongan Harian. Untuk tujuan pengiraan Jumlah Faedah yang Perlu Dibayar Atas Amaun Kemudahan dan Potongan Harian, Tempoh Kemudahan Tempoh Kemudahan selama enam (6) bulan dan dua belas (12) bulan akan dianggap masing-masing seratus lapan puluh (180) hari dan tiga ratus enam puluh lima (365) hari;
  - menggabungkan jumlah yang dikumpulkan dari Potongan Harian setiap bulan yang mewakili Ansuran Bulanan yang akan dipindahkan ke HLB oleh GFin bagi pihak Pelanggan yang Layak; dan
  - memberitahu Pelanggan yang Layak mengenai jumlah Potongan Harian yang perlu dibayar untuk jumlah Kemudahan yang diluluskan setelah mendapat persetujuan permohonan
15. Contoh Potongan Harian yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan diluluskan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dengan Tempoh Kemudahan dua belas (12) bulan adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 5 di bawah:

**Jadual 5**

Amaun Kemudahan yang Diluluskan (RM)	Tempoh Kemudahan	Kadar Faedah Rata (setahun) yang Dikenakan atas Amaun Kemudahan yang Diluluskan	Jumlah Faedah yang Perlu Dibayar Atas Amaun Kemudahan (RM)	Tempoh Potongan Harian <sup>7</sup>	Amaun Ansuran Harian (RM)
(a)	(b)	(c)	$(d) = (a) \times (b) \times (c)$	(e) = (b) tolak 6 hari	$(f) = [(a) + (d) + Fi \text{ Kemudahan RM70}]/(e)$
RM500 <sup>6</sup>	12 bulan	18.00% setahun	RM90	359 hari	RM1.84

<sup>6</sup>0.50% daripada Amaun Kemudahan Diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan tersebut.

<sup>7</sup>Tempoh Potongan Harian adalah kurang daripada Tempoh Kemudahan untuk memberi masa untuk mendirikan proses pinjaman dan proses penyatuan bayaran balik.

16. Potongan Harian akan dikumpulkan oleh GFin untuk pembayaran Ansuran Bulanan kepada HLB oleh GFin bagi pihak Pelanggan yang Layak, sesuai dengan terma Kemudahan.
17. Pelanggan yang Layak mesti mengekalkan jumlah minimum Ringgit Malaysia Lima belas (RM15) di Dompot Pemandu Grab Pelanggan yang Layak pada setiap masa. Sekiranya dana di Dompot Pemandu Grab tidak mencukupi untuk memenuhi Potongan Harian dan/atau ansuran Bulanan, beberapa percubaan kutipan akan dilakukan setiap hari sehingga jumlah baki ansuran Bulanan yang sepatutnya diterima dapat diterima. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa GFin juga boleh menghantar peringatan kepada Pelanggan yang Layak jika ada baki yang tidak mencukupi untuk pemotongan di Dompot Pemandu Grab Pelanggan yang Layak.
18. Kewajipan Pelanggan yang Layak untuk membuat pembayaran balik untuk Kemudahan diluluskan akan tetap berterusan walau ada penangguhan atau penamatan Pelanggan sebagai Rakan Grab selama Tempoh Kemudahan. Sekiranya pembayaran tidak dapat dilakukan melalui Dompot Pemandu Grab disebabkan oleh penangguhan atau penamatan, Pelanggan yang Layak harus terus membuat pembayaran Ansuran Bulanan tepat pada masanya kepada GFin di akaun bank yang ditentukan seperti yang diberitahu oleh GFin. GFin akan membuat bayaran balik kepada HLB. Sekiranya Pelanggan yang Layak gagal dalam membuat pembayaran ansuran Bulanan selama dua (2) bulan berturut-turut dari T&S dan baki tertunggak termasuk faedah yang perlu dibayar menjadi hutang dan perlu dibayar.
19. Pelanggan yang Layak boleh menghubungi GFin secara langsung di +6032733 8688 sekiranya Pelanggan yang Layak:
  - a) mempunyai pertanyaan yang berkaitan dengan Potongan Harian.
  - b) ingin berhenti menjadi Rakan Grab; dan/atau
  - c) ingin menyetujui kaedah pembayaran Kemudahan yang berbeza seperti yang difasilitasi oleh Grab

### **Jaminan dan Penukaran**

20. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa GFin akan menjadi penjamin Kemudahan dan HLB dapat mengambil alih atau memberikan haknya atas pembayaran balik Kemudahan kepada GFin sekiranya peristiwa yang dinyatakan di bawah berlaku.
21. Sekiranya Pelanggan yang Layak telah gagal membayar Kemudahan tersebut dan GFin sebagai pinjaman Kemudahan dikehendaki membayar keseluruhan jumlah tertunggak di bawah Kemudahan tersebut, semua hak HLB terhadap Pelanggan yang Layak hendaklah diambil alih atau diberikan kepada GFin setelah HLB menerima penyelesaian penuh dari jumlah Kemudahan dari GFin. Pelanggan yang Layak bersetuju GFin berhak untuk menegakkan atau menggunakan hak yang mungkin diperolehnya melalui pengambilalihan tersebut atau, penyerahan hak oleh HLB atau sebarang ganti rugi, penggantian atau perjanjian lain, dalam semua kes sebagai hasil pembayaran di bawah jaminan.

### **Data Peribadi**

22. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen, Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju dan membenarkan HLB dan GFin untuk memproses data peribadi Pelanggan Layak sesuai dengan Notis Privasi HLB (boleh didapati di: <https://www.hlb.com.my/en/connect/privacy-bm.html> ) dan Dasar Privasi GFin (boleh didapati di: <https://www.grab.com/my/terms-policies/privacy-policy/> ). Untuk tujuan Klausa 17 ini, istilah "data peribadi" akan mempunyai makna yang sama yang diberikan kepada istilah dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Khususnya, Pelanggan yang Layak bersetuju, menyetujui dan memberi kuasa:
  - i. GFin untuk berkongsi maklumat Pelanggan yang Layak, termasuk tetapi tidak terhad kepada pendapatan mereka sebagai Rakan Grab kepada HLB untuk tujuan penilaian kredit yang berkaitan dengan permohonan Kemudahan;
  - ii. HLB untuk berkongsi data peribadi Pelanggan yang Layak, termasuk tetapi tidak terhad pada nama, nombor telefon dan alamat kepada GFin dengan tujuan memudahkan pembayaran balik Kemudahan dan jaminan oleh GFin sekiranya Kemudahan tidak dilunaskan, penerbitan peringatan, pemberitahuan atau bentuk komunikasi lain yang berkaitan dengan Potongan Harian atau pembayaran balik Kemudahan;;
  - iii. GFin untuk melaksanakan Potongan Harian dari Dompot Pemandu Grab Pelanggan yang Layak untuk tujuan memudahkan pembayaran Kemudahan; dan
  - iv. Sekiranya HLB telah memberikan atau memsubrogasi haknya atas pembayaran balik Kemudahan kepada GFin berdasarkan syarat jaminan yang diberikan oleh GFin kepada HLB, GFin untuk berkongsi data peribadi Pelanggan yang Layak kepada pihak ketiga yang dilantik oleh GFin untuk tujuan untuk mengumpulkan jumlah pembayaran balik yang tertunggak dari Pelanggan yang Layak.

### **Umum**

23. Dengan menyertai kempen in, Pelanggan yang Layak dengan ini:
  - i. bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB;
  - ii. bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#) dan [Dasar Privasi Grab](#) seperti yang dinyatakan di atas;
  - iii. bersetuju untuk melawat Laman Sesawang HLB di [www.hlb.com.my/grabpl](http://www.hlb.com.my/grabpl) atau [www.hlb.com.my/grabpl2](http://www.hlb.com.my/grabpl2) ("Laman Sesawang HLB") pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
  - iv. bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh HLB tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan dalam Tempoh

Penyaluran yang ditetapkan di Klausa 6(ii) di atas. Seperti yang disebutkan di atas, HLB tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan dalam Tempoh Penyaluran untuk sebarang sebab jua;

- v. bersetuju bahawa keputusan HLB dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat; dan
- vi. bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

24. HLB berhak untuk:

- i. menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan;
- ii. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada menyertai Kempen ini; dan
- iii. menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Pelanggan dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang HLB, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh HLB.

25. T&S yang terkandung di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.

26. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang HLB akan diguna pakai.

27. T&S di sini boleh ditukar, ditambah, dipadam atau diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal kepada Pelanggan.

28. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

29. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

**LAMPIRAN 1**

Senarai Cawangan Bank Terpilih:

<b>Cawangan Bank</b>	<b>Negeri</b>	<b>Alamat Penuh</b>
Taman Pelangi	Johor	No. 173 & 175, Jalan Sri Pelangi, Taman Pelangi, 80400 Johor Bahru, Johor Darul Takzim
Taman Molek	Johor	No. 29 & 31, Jalan Molek 2/4, Taman Molek, 81100 Johor Bahru, Johor Darul Takzim
Menara Raja Laut	Kuala Lumpur	Ground Floor(Lot G3), Menara Raja Laut No, 288, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tmn Connaught, Cheras	Kuala Lumpur	No. 114 & 116, Jalan Cerdas, Taman Connaught, 56000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
B Baru Seri Petaling	Kuala Lumpur	No. 71 & 73, Jalan Radin Tengah, Zone J 4, Sri Petaling, 57000 Kuala Lumpur
RP Plaza, Kuching	Kuching	Ground Floor, Lots 11600-11602, Block 16, No. 127-129, RH Plaza, Jalan Lapangan Terbang, 93350 Kuching, Sarawak.
Jln Munshi Abdullah, Melaka	Melaka	150 & 152, Kompleks Munshi Abdullah, Jalan Munshi Abdullah, 75100 Melaka
Tmn Melaka Raya	Melaka	No: 67 & 69 Jalan Merdeka, Taman Melaka Raya, 75300 Melaka
Jln Beserah, Kuantan	Pahang	B278 & B280, Jalan Beserah, 25300 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Jln Tun Ismail, Kuantan	Pahang	No.25, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang
Jalan Fetes, Penang	Penang	98-G-15, Prima Tanjung, Jalan Fettes, Tanjung Tokong, 10470 Pulau Pinang
Bukit Mertajam	Penang	No. 31, 33, 35, Jalan Usahaniaga 1, Tmn Niagajaya, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
Ipoh Garden	Perak	No.91 & 93, Jalan Dato Lau Pak Khuan, Ipoh Garden, 31400 Ipoh Perak
Ipoh-J Pasir Puteh	Perak	579 & 579A, Jalan Pasir Puteh, 31650 Ipoh, Perak
Alam Mesra	Sabah	Lot No. 38, Block E, Alamesra, Sulaiman Coastal Highway 88400 Kota Kinabalu, Sabah
Kota Kinabalu 2	Sarawak	No. 8, Jln Pantai, Locked Bag No. 124, 88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Central Park	Sarawak	No. 345-347, Q3A, Central Park Commercial Centre, 93200 Kuching, Sarawak
Pusat Bandar Kelana Jaya	Selangor	A-G-8 & A-G-09 Glomac Square, Jalan SS6/5A, Dataran Glomac, Pusat Bandar Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor
PJ City	Selangor	Tower A, No. 15A, Pj City Development, Jalan 51a/219, Seksyen 51a, 46100 Petaling Jaya, Selangor





Desa Kepong	Jaya,	Selangor	19, Jalan 54, Desa Jaya, 52100 Kepong, Selangor
----------------	-------	----------	---